

KENYATAAN MEDIA**SWM ENVIRONMENT LANCAR KITAR3cycle GALAK PENDUDUK AMALKAN KITAR SEMULA**

(Bahau, 20 Januari 2019) Syarikat konsesi SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) hari ini melancarkan program KITAR3cycle iaitu sistem ganjaran kitar semula bagi penduduk di Taman Meranti, Bahau dalam usaha menggalakkan masyarakat agar lebih aktif melaksanakan amalan budaya kitar semula di dalam kehidupan seharian.

Program KITAR3cycle adalah program yang menggunakan mekanisma pemberian mata ganjaran kepada penduduk yang melakukan pengumpulan barang kitar semula. Melalui program ini, penduduk berpeluang untuk mengumpul mata ganjaran dan menukarkan mata ganjaran dengan barangan mahupun baucar membeli-belah di pasaraya terpilih.

“Sebelum ini, KITAR3cycle telah memulakan operasinya di lima (5) buah taman terpilih di Negeri Sembilan melalui penempatan sangkar kitar semula KITAR3cycle bagi membolehkan penduduk memasukkan sisa kitar semula di dalam sangkar yang telah disediakan di taman perumahan tersebut,” kata Pengurus Besar Hal Ehwal Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam Bin Mohd Nordin.

Katanya lagi, penduduk akan menerima pelekat kod bar dan pelekat tersebut perlu ditampalkan pada plastik yang telah diisi sisa kitar semula.

Pelekat kod bar akan diberikan kepada penduduk yang mendaftar dengan program KITAR3cycle serta penduduk akan menampal pelekat kod bar berkenaan di atas beg plastik sisa kitar semula bagi membolehkan penduduk mengumpulkan jumlah mata kitar semula dan boleh ditukarkan kepada baucar atau barangan yang sama nilainya. Contohnya 1.0 Mata Kitar Semula = RM0.05.

Sejumlah 35 jenis barangan kitar semula yang diterima dan mendapat nilai mata ganjaran di antaranya seperti kertas, tin aluminium, plastik, tayar, barangan elektrik, barangan komputer (CPU, skrin komputer, tetikus, papan kekunci, pencetak, bekas dakwat pencetak), kaca, pakaian / kain lama, bateri kenderaan, wayar, bateri, besi buruk, tayar dan sebagainya. Justeru itu, program KITAR3cycle ini dapat menggalakkan penglibatan penduduk untuk membudayakan amalan kitar semula, mewujudkan komuniti yang prihatin terhadap alam sekitar serta dapat menguruskan sisa yang dijana dengan baik serta berhemah.

Kutipan sisa kitar semula disangkar akan dilaksanakan oleh pihak SWM Environment iaitu melakukan timbangan dan merekod data sisa kitar semula. Sisa ini akan dihantar ke pusat rawatan sisa kitar semula SWM Environment bagi tujuan pengasingan mikro.



Melalui jalinan kerjasama yang dilaksanakan di antara pihak SWM Environment dan penduduk setempat diharapkan dapat mengurangkan janaan sisa kitar semula ke tapak pelupusan sampah serta memanjangkan lagi jangka hayat sesebuah tapak pelupusan.

Bagi pertanyaan lanjut sila hubungi talian Indahkan Malaysia di **1-800-88-7472** atau layari <http://microsite.swm-environment.com/> bagi maklumat lanjut.

TAMAT

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN BHD

SWM Environment Sdn Bhd. (SWM) adalah syarikat konsesi yang diilantik oleh Kerajaan bagi mengendalikan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bagi Zon Selatan Semenanjung Malaysia (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor). SWM memberikan perkhidmatan kepada lebih 5 juta isi rumah dengan tenaga kerja seramai kira-kira 6,000 orang dan mempunyai kenderaan serta jentera melebihi 1000 buah pelbagai jenis kegunaan. Sila layari laman web www.swm-environment.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.